

NO SOALAN : 239

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI  
[ SIBUTI ]**

**SOALAN NO. 239**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah kuota permohonan bagi Projek Perumahan Mesra Rakyat di bawah SPNB diperuntukkan kepada Parlimen Sibuti bagi tahun 2019 dan jumlah telah dibina pada tahun 2018.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan dalam menyediakan Rumah Mesra Rakyat (RMR). Program ini diwujudkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga miskin yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang (daif) tetapi mempunyai tanah untuk mendirikan rumah sendiri yang sempurna dan selesa. Pelaksanaan program RMR ini sebahagiannya dibiayai melalui subsidi oleh Kerajaan iaitu RM20,000 seunit berkonsepkan rumah sesebuah berkeluasan antara 1,000 kaki persegi dengan komposisi 3 bilik tidur dan 2 bilik air. Selain itu, Kerajaan juga telah bersetuju untuk memberi 2% subsidi kadar keuntungan bank yang dikenakan kepada setiap pemohon yang layak.
2. SPNB telah berjaya menyiapkan 45,961 unit RMR di seluruh Malaysia bermula dari tahun 2002 sehingga bulan Mei 2019, manakala 2,981 unit RMR sedang dalam pembinaan dan sebanyak 1,389 permohonan sedang dalam proses menandatangani dokumen perjanjian dengan menggunakan subsidi yang telah disalurkan serta pembiayaan daripada institusi kewangan.
3. Manakala bagi negeri Sarawak sahaja, sebanyak 1,941 permohonan telah diluluskan. Daripada jumlah itu, sebanyak 1,377 unit rumah RMR telah disiapkan, manakala 563 unit dalam pembinaan dan 1 pemohon sedang di dalam proses menandatangani perjanjian.

**NO SOALAN : 239**

4. Bagi Parlimen Sibuti pula, sebanyak 217 permohonan telah diluluskan. Daripada jumlah itu, sebanyak 163 unit rumah RMR telah disiapkan dan 54 unit dalam pembinaan. Bagi tahun 2018 sahaja, sebanyak 23 unit RMR telah dibina dan disiapkan.
  
5. Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan dan kelulusan RMR adalah secara terbuka kepada mana-mana kawasan Parlimen mengikut tarikh penerimaan permohonan serta tertakluk kepada ketersediaan peruntukan kewangan.

Sekian, terima kasih.